



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM NUR RAMADAN
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

30 MAC 2024

**DEWAN SERBAGUNA GANGGARAK PERMAI
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat

Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman

Ahli Parlimen Labuan

Yang Berbahagia

Dato' Indera Noridah Abdul Rahim

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berusaha

Encik Simsudin Sidek

Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan

Yang Berusaha

Tuan Haji Rithuan Haji Mohd Ismail

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan dan isteri

Puan Hajah Mirani Majidi

Yang Berbahagia

Dato' Townplanner Fadlun Mak Ujud

Presiden, Perbadanan Putrajaya

Yang Berusaha

Puan Wan Sabariah Sikh Ali

Pengurus Besar Jabatan Majalah, Gaya Hidup dan Bual Bicara

Rangkaian Televisyen Media Prima

Yang Berusaha Encik Fadzli Md Saad

Pengurus, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan

Yang Berusaha

Encik Mohd Akhbar Md Yusof

Pengerusi Surau Ganggarak Permai

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Ketua-ketua Agensi

Pengurus Kanan Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan

Para penerima sumbangan Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Labuan
yang diraikan

Serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini di Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang merupakan siri program Nur Ramadan yang terakhir pada tahun ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak, khususnya Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan yang telah berusaha sedaya upaya memastikan program Nur Ramadan ini dijayakan.

KOMITMEN TERHADAP LABUAN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Labuan ini sangat dekat di hati saya. Seperti yang saya pernah umum sebelum ini, saya akan memberi komitmen untuk melawat Labuan pada setiap bulan dan ini merupakan lawatan kali ketiga saya di Labuan setelah dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

4. Banyak potensi yang saya lihat boleh dilaksanakan di Labuan dalam usaha untuk menjadikan Labuan sebagai tumpuan pelancongan, ekonomi dan pendidikan. Namun begitu, untuk merealisasikan kesemua ini, infrastruktur asas seperti bekalan air, bekalan elektrik dan isu ketersalinghubungan atau *connectivity* perlu diselesaikan terlebih dahulu.
5. Alhamdulillah, beberapa bulan ini pihak Kerajaan telah memberi perhatian yang agak serius terhadap perkara-perkara asas di Labuan ini, antaranya seperti pengumuman pengekalan pengecualian dasar kabotaj di Labuan dan penetapan tambang dengan harga yang lebih berpatutan sempena perayaan yang akan menjelang tiba.
6. Melangkah untuk persediaan bagi kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026 tidak lama lagi, saya telah mengarahkan pihak Perbadanan Labuan untuk membuat persiapan awal termasuklah untuk menerima jumlah pelancong domestik dan antarabangsa serta pada masa yang sama untuk memastikan *tourist experience* ditambah baik. Persediaan yang dilaksanakan tersebut hendaklah bersandarkan kepada visi utama Wilayah Persekutuan iaitu CHASE City.
7. Insya-Allah saya sendiri akan pantau dari semasa ke semasa untuk pastikan kesemua yang dirancang ini berjaya dilaksanakan.

8. Selain itu, untuk mengatasi masalah kemiskinan di Wilayah Persekutuan, saya juga telah memperkenalkan kluster Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang merangkumi 6 inisiatif iaitu Upaya @ PUJI, Ihan @ PUJI, Lindung @ PUJI, Ilmu @ PUJI, Sihat @ PUJI dan Infra @ PUJI. Kesemua inisiatif memberi fokus kepada penjanaan pendapatan, pembangunan usahawan, perlindungan sosial, pendidikan kesihatan dan infrastruktur asas.
9. Untuk itu, saya berharap pihak Perbadanan Labuan dan semua agensi Kerajaan di Labuan dapat melipatgandakan usaha dalam pelaksanaan PUJI untuk terus diperkemaskan dan terus diterima oleh golongan sasar. Kesemua inisiatif dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat perlu diselaraskan melalui ‘one-stop centre’ PUJI yang seterusnya akan memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

PROGRAM NUR RAMADAN LABUAN

Para hadirin sekalian,

10. Saban tahun, Jabatan Wilayah Persekutuan menganjurkan program Nur Ramadan seperti ini dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam menyantuni golongan yang memerlukan terutamanya golongan asnaf, orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal dan anak-anak yatim.

11. Secara keseluruhannya, program Nur Ramadan yang dianjurkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan ini telah menyantuni seramai 5,500 penerima sumbangan dari ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
12. Terima kasih tidak terhingga saya zahirkan kepada MAIWP yang sentiasa menjadi rakan strategik JWP melalui program Nur Ramadan, atas sumbangan wang zakat secara keseluruhan, untuk ketiga-tiga Wilayah Persekutuan berjumlah RM 1.1 juta dan di Wilayah Persekutuan Labuan sahaja, sebanyak RM 300,000.00 diperuntukkan oleh MAIWP kepada 1,500 penerima asnaf.
13. Saya berharap agar sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan untuk memaknai Ramadan dan seterusnya sebagai persiapan untuk bulan Syawal yang akan tiba kurang lebih 11 hari sahaja lagi.
14. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengumumkan bahawa Jabatan Wilayah Persekutuan telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak RM 4,000.00 kepada Surau Genggarak Permai untuk tujuan pengimaran surau pada sepanjang bulan Ramadan.

PROGRAMIFTAR RAMADAN DI DATARAN LABUAN

Para hadirin sekalian,

15. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PL, JAWI dan MAIWP di atas penganjuran Program Iftar Ramadan di Dataran Labuan pada tahun ini. Program ilmiah yang dijalankan secara mingguan ini merupakan satu program yang sangat memberi impak yang baik kepada keharmonian warga pulau Labuan ini.
16. Saya difahamkan pelbagai pengisian dilaksanakan dan orang ramai dapat mendengar tazkirah bukan sahaja daripada penceramah Labuan malah penceramah dari Kuala Lumpur. Ini merupakan satu pendekatan yang sangat menarik untuk mengimarahkan bulan Ramadan di Dataran Labuan yang sudah pastinya dapat menarik ramai golongan muda untuk turut serta dalam program-program yang membentuk sasiah diri dan kerohanian.
17. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan serta MAIWP di atas komitmen dan keprihatinan terhadap para peserta Program Usaha Jaya Insan (PUJI), Program Pembasmian Miskin Tegar dan peniaga dari golongan asnaf yang bermiaga di Bazar Ramadan Labuan Walk.

18. Saya difahamkan, Pihak Perbadanan Labuan juga telah memberikan insentif pengecualian pembayaran fi lesen dan lot tapak kepada semua peserta program yang berniaga di bazar seliaan Perbadanan Labuan.
19. Ini membuktikan bahawa Perbadanan Labuan memandang serius terhadap kebajikan para peserta program dan diharapkan dengan adanya insentif dan inisiatif ni dapat membantu meningkatkan pendapatan para peserta yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah untuk turut serta meningkatkan ekonomi mereka apatah lagi untuk meraikan Aidilfitri.
20. Dalam kesempatan ini juga, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pihak TV3 melalui program Malaysia Hari Ini yang turut melaksanakan Kempen Bazar Amal Ramadan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan kerjasama strategik Jabatan Wilayah Persekutuan, DBKL, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.
21. Kempen Bazar Amal Ramadan MHI, TV3 ini telah diadakan pada 13 Mac lalu di Bazar Ramadan Presint 3 Putrajaya dan 22 Mac lalu di Bazar Ramadan Wangsa Maju yang telah berjaya mengutip sumbangan berjumlah RM5,600 yang telah diserahkan kepada Pusat Tahfiz Maahad Tahfiz Al- Quran Zaid bin Harithah.

22. Hari ini, krew Malaysia Hari Ini, TV3 juga telah membuat jualan amal di Bazar Ramadan Labuan Walk dan hasil jualan amal tersebut akan disumbangkan kepada Madrasah Al-Haq, Kampung Ganggarak sebentar lagi. Saya berharap agar sumbangan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat digunakan oleh anak-anak madrasah kita bagi menyambut Aidilfitri yang bakal tiba. Insyallah.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

23. Sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga Wilayah Persekutuan dan Wilayah Persekutuan Labuan khasnya sentiasa dalam rahmat dan diberkati oleh Allah SWT.
24. Dengan lafaz Bismillahrrahmanirrahim, saya merasmikan Program Nur Ramadan, Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 1445H.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.